

Terkilan Saiedah 'diketepi'

BERITA HARIAN, 13 April 2005, Page 14

Article also available on Microfilm Reel NL20168

Printer-Friendly Page

Terkilan Saiedah 'diketepi'

Antara empat pemenang pingat emas tapi tak terpilih Pesilat Wanita Terbaik

SILAT oleh **Yusoff A. Rahman**

KENAPA begitu?

Pertanyaan itulah yang masih berlegar dalam benak Sheik Alauddin Yacoub sekalipun selepas rombongan silat Singapura pulang ke tanah air dari Kejujutan Pencak Silat Terbuka Belgium, petang semalam.

Sheik, selaku ketua jurulatih, begitu terkilan kerana Saiedah Said, antara empat pesilat Singapura yang memenangi pingat emas dalam kejujutan tersebut, tidak dipilih sebagai Pesilat Wanita Terbaik kejujutan itu.

Bahkan, seterusnya, Nor Azizan, dari Malaysia, yang kecondang 0-5 di tangan Saiedah dalam final Kelas B, telah dipilih sebagai 'Pesilat Terbaik'.

"Saya lihat orang ramai yang berada dalam stadium terkejut dengan pemilihan itu. Sebagai ketua jurulatih Singapura, saya lebih terkejut," kata Sheik.

Selain itu, Singapura memungut dua pingat perak melalui Mohamed Syahim Salam (Kelas D) dan Mohamed Ridzuan Omar (Kelas F). Dua pingat gangsa negara pula hasil sumbangan Mohamed Saifuddin Mohamed Julaimi (Kelas E) dan Mohamed Iswandy Sapi (Kelas G).

Mengulas pencapaian negara, Sheik berkata: "Saya puas hati kerana matlamat untuk memenangi empat pingat emas dalam kejujutan ini tercapai memandangkan kami hanya menang tiga emas dalam Kejujutan Terbuka Perancis.

"Bagaimanapun saya fikir Ridzuan seharusnya mengutip pingat emas dalam kelasnya manakala Saifuddin pula wajar melayakkan diri ke final."

Mengenai seorang lagi johan dunia, Yusoff Shah, Sheik menambah:

"Yusoff langsung tidak menghadapi masalah dalam kedua-dua kejujutan, sa na ada Terbuka Perancis maupun Terbuka Belgium."

Tetapi bagi juara dunia, Saiedah, beliau sekadar memberitahu: "Barangkali bukan rezeki saya."

Selain Saiedah, turut mengharumkan negara dengan memenangi pingat emas ialah Mohamed Asadullah Karimullah (Kelas B), Mohamed Nor Sarhan Hamzah (Kelas C) dan Yusoff Shah Khamarudin (Kelas F).



BUKAN REZEK: Sekalipun Saiedah tunjuk hebat, seteru yang dikalahkannya dalam final dipilih sebagai Pesilat Terbaik. foto fail